

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan ***“WAVE and WIN”*** [**“Peraduan”**] ini dianjurkan bersama oleh Bataras Sdn Bhd (No. Syarikat.: 199801017117 (473246-D)) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) (PayNet) [**“Pihak Penganjur”**].
2. Peraduan ini terbuka kepada semua pemegang kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik [**“ATM”**] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang terlibat dengan servis MyDebit di Malaysia. Pemegang kad ATM MyDebit tersebut mestilah penduduk tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan [**“Peserta”**].
3. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia, tidak dormant dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan hadiah.
 - Peringkat 1: pembayaran minimum sebanyak RM60 dan ke atas menggunakan kad ATM MyDebit di mana-mana cawangan Bataras layak mendapat maksimum SATU (1) penyertaan untuk setiap resit
 - Peringkat 2: Ahli Bataras yang membuat pembelian minimum sebanyak RM60 dan ke atas menggunakan Kad ATM MyDebit di mana-mana cawangan Bataras layak mendapat maksimum DUA (2) penyertaan untuk setiap resit
4. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Wakil, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan atau ejen promosi bagi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan

1. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2021 jam 12:00AM sehingga 31 Disember 2021 jam 11:59PM** (Waktu Malaysia)[**“Tempoh Peraduan”**].
2. Penyertaan Peraduan yang diterima di luar Tempoh Peraduan adalah tidak sah dan akan dibatalkan.

3. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan Peraduan ini dengan pemberian notis terlebih dahulu.
4. Untuk penyertaan mingguan, penyertaan mestilah diterima oleh Penganjur sebelum atau pada 11:59PM hari terakhir bagi setiap Tempoh Minggu Peraduan seperti yang tertera pada Jadual Peraduan Mingguan di bawah. Hanya penyertaan/resit transaksi yang menggunakan kad ATM MyDebit akan diterima sebagai penyertaan yang sah untuk Peraduan ini. Slip transaksi tersebut tidak layak untuk penyertaan Tempoh Peraduan Mingguan yang seterusnya. Contoh, slip transaksi bertarikh 1 Oktober 2021 (Minggu 1 di dalam jadual Tempoh Minggu Peraduan) mestilah di hantar pada atau sebelum 7 Oktober 2021.

Jadual Peraduan Mingguan (“Tempoh Minggu Peraduan”)

- **Minggu 1: 01 Okt – 07 Okt 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 2: 08 Okt – 14 Okt 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 3: 15 Okt – 21 Okt 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 4: 22 Okt – 28 Okt 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 5: 29 Okt – 04 Nov 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 6: 05 Nov – 11 Nov 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 7: 12 Nov – 18 Nov 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 8: 19 Nov – 25 Nov 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 9: 26 Nov – 02 Dis 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 10: 03 Dec – 09 Dis 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 11: 10 Dis – 16 Dis 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 12: 17 Dis – 23 Dis 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**
- **Minggu 13: 24 Dis – 31 Dis 2021 (5 pemenang mingguan x Baucar Bataras bernilai RM100)**

Jadual Peraduan Hadiah Utama, Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan Saguhati [“Tempoh Peraduan”]:

- **Tempoh: 01 Oktober – 31 Disember 2021**
5. Hanya pembelian minimum bernilai RM60 dan ke atas di mana – mana cawangan Bataras dengan menggunakan kad ATM MyDebit sebagai kaedah pembayaran yang dibuat dalam Tempoh Peraduan (dengan transaksi yang berjaya dan resit yang jelas) akan dianggap dan diambil kira sebagai SATU (1) penyertaan yang sah [“**Bukti Pembelian**”] dimana satu nombor siri akan diperuntukkan. Peserta yang terpilih sebagai pemenang [“**Pemenang**”] adalah diwajibkan untuk mengemukakan Bukti Pembelian (asal) sebelum penebusan hadiah boleh disempurnakan. Kegagalan membuat sedemikian akan mengakibatkan

pembatalan kemenangan hadiah yang dimenangi oleh Pemenang tersebut. Nota: Nombor siri adalah untuk rujukan Pihak Penganjur dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta.

6. Hanya gambaran jelas Bukti Pembelian yang menunjukkan produk, nombor resit, tarikh pembelian nilai pembelian, nama kedai, lokasi cawangan dan butiran pembayaran MyDebit akan diterima. Tiada perubahan Bukti Pembelian dalam apa-apa jua bentuk atau cara dibenarkan.

Cara Penyertaan

1. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan satu Bukti Pembelian yang dibuat dalam Tempoh Peraduan di mana-mana cawangan Bataras. Penyertaan boleh dihantar melalui cara berikut:

Cara Penyertaan : Aplikasi WhatsApp / Pengimbasan Kod QR

- **Setiap penyertaan yang lengkap** hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Ambil gambar Bukti Pembelian yang jelas dan simpan Bukti Pembelian (asal) tersebut;
 - ii. Hantar gambar Bukti Pembelian bersama-sama penyertaan anda melalui imbasan kod QR di mana-mana cawangan Bataras;
 - iii. Isikan butiran-butiran seperti nama penuh, nombor kad pengenalan (MyKad), alamat emel, nombor telefon, nombor resit, nombor kad keahlian Bataras (jika ada), alamat surat-menyurat, lokasi pembelian dan jawab soalan Peraduan dengan betul;
 - iv. Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **+6012 673 1811** atau melalui pengimbasan **kod QR**;
 - v. Peserta akan mendapat mesej (soalan Peraduan, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja).

Dengan menghantar penyertaan di dalam Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan notis privasi yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

2. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) Bukti Pembelian (dengan pembelian minimum RM60 ke atas dengan menggunakan kad ATM MyDebit) layak sebagai SATU (1) penyertaan tanpa mengira jumlah yang dibelanjakan. Setiap Bukti Pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan dibatalkan sekiranya Bukti Pembelian yang sama digunakan lebih daripada SATU (1) kali.
3. Setiap Peserta hanya layak untuk memenangi maksimum DUA (2) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan. Sebagai contoh, Pemenang Hadiah Mingguan juga berpeluang memenangi Hadiah Utama. Nota: Terhad kepada SATU (1) hadiah mingguan sepanjang Tempoh Peraduan.

4. Pemenang mesti menuntut hadiah mereka pada tarikh tertentu yang ditetapkan oleh Penganjur atau dalam tempoh DUA (2) bulan setelah dimaklumkan oleh Penganjur (melalui SMS atau saluran komunikasi lain). Sekiranya Pemenang gagal menuntut hadiah tersebut, Penganjur berhak untuk melupakan kemenangan hadiah dan memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang mesti mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima hadiah tersebut.

Pemilihan Pemenang

1. Pemenang yang disenarai pendek akan dipilih selepas tamatnya setiap Tempoh Minggu Peraduan dan/atau Tempoh Peraduan. Pemenang yang disenarai pendek akan dipilih secara automatik oleh sistem pemilihan berdasarkan jumlah penyertaan yang layak diperolehi bagi setiap Tempoh Minggu Peraduan dan/atau sepanjang Tempoh Peraduan [**"Pemenang yang Disenarai Pendek"**]. Kaedah atau sistem pemilihan Pemenang yang Disenarai Pendek adalah berdasarkan penentuan Penganjur.
2. Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan tetapi setiap penyertaan perlu dilengkapkan mengikut tatacara yang dinyatakan di Klausa 1 (Cara Penyertaan) yang dinyatakan di atas.
3. Semua Pemenang yang Disenarai Pendek akan dihubungi melalui aplikasi WhatsApp dan/atau berdasarkan maklumat yang dibekalkan semasa proses penyertaan. Pemenang yang Disenarai Pendek mesti menjawab soalan Peraduan yang mudah dengan betul dalam jangka masa yang ditetapkan agar layak memenangi hadiah tersebut. Sekiranya Pemenang yang Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi (melalui WhatsApp atau melalui kaedah komunikasi yang lain), atau gagal menjawab soalan dengan betul, Penganjur berhak memilih Pemenang seterusnya yang berjaya menjawab soalan dengan tepat dan mempunyai penyertaan yang lengkap dan sah sebagai Pemenang.
4. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan Pemenang, hadiah dan pelucutan hak hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan Pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

Hadiah & Penebusan

Jenis	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama	Perodua Ativa 1.0L Turbo (Tidak termasuk cukai jalan, fi pendaftaran dan insurans/takaful)	1
Hadiah Pertama	iPhone 12 Pro 128GB	5
Hadiah Kedua	Komputer Riba Microsoft Surface Go	5
Hadiah Ketiga	TV UHD Samsung 43"	5
Hadiah Keempat	Vakum Dyson V8 Slim Fluffy+	5
Hadiah Kelima	Peti Sejuk Sharp	5
Hadiah Saguhati	Baucar Bataras bernilai RM500	50
Hadiah Mingguan	Baucar Bataras bernilai RM100	65

- Sejumlah SERATUS EMPAT PULUH SATU (141) hadiah untuk dimenangi.
1. Hadiah tidak termasuk apa-apa cukai yang berkaitan tidak terhad kepada cukai jalan dan insurans/takaful.
 2. Segala imej gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan hadiah sebenar.
 3. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal hadiah (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
 4. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada hadiah semasa proses penghantaran/penebusan.
 5. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat bagi menuntut hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan hadiah kepada tarikh dan tempat yang lain yang akan dimaklumkan oleh Penganjur kepada Pemenang sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.

6. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penghantaran Hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
7. Penebusan hadiah bergantung kepada ketersediaan hadiah yang akan dimaklumkan kepada Pemenang yang dipilih oleh Penganjur dari semasa ke semasa.
8. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan Pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
9. Pihak Penganjur akan menghubungi Pemenang yang Disenarai Pendek melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
10. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai (jika berkaitan). Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah yang diiklankan dengan hadiah yang sama nilai dengan pemberian notis. Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
11. Peserta/Pemenang dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
12. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik.
13. Semua Pemenang mesti menuntut hadiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur (melalui WhatsApp atau lain-lain bentuk komunikasi) selepas tamat Tempoh Peraduan. Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan bukti pengenalan diri untuk menebus/menerima hadiah mereka.

14. Sekiranya Pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil Pemenang hendaklah membawa surat wakil kebenaran yang ditandatangani oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri Pemenang dan wakilnya.
15. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan/atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan para Peserta untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur menggunakan dan menyiarkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang bagi tujuan pengiklanan, publisiti dan/atau untuk apa-apa tujuan lain, tanpa sebarang notis terdahulu atau pampasan kepada Peserta/Pemenang. Pemenang/Peserta adalah tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan terhadap material tersebut.
2. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan Pihak Penganjur, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan, menunda, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini dengan memberi notis terlebih dahulu.
3. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan jika didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penyertaan Peraduan ini, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat-Syarat Peraduan ini.
4. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah Terma dan Syarat Peraduan ini dengan memberi notis terlebih dahulu.
5. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan atau kaedah Peraduan seperti yang dijelaskan di www.bataras.com.my atau sebaliknya, juga akan mengikat semua penyertaan Peserta dalam Peraduan ini.
6. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, terma yang terkandung di www.bataras.com.my akan diguna pakai.

7. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
8. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
9. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang dibuat oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau menerima apa-apa manfaat atau hadiah daripada Peraduan ini) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, ahli gabungan, atau ejen yang sah tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang tersebut.
10. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur, sekutunya dan pihak ketiga yang dilantik tidak akan menerima sebarang liabiliti tidak terhad kepada untuk penyertaan yang hilang, rosak, lewat atau atas sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab untuk apa-apa liabiliti yang terjadi akibat daripada kecuaiian atau perbuatan sengaja Peserta/Pemenang yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah, Peserta dan Pemenang bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan bagi liabiliti tersebut.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul disebabkan kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.
3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Peraduan ini dan semua keputusan pihak Penganjur.
4. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan adalah di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

Perlindungan Data

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain **["Data Peribadi"]** untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Pelanggan di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi Peserta kepada Pihak Penganjur untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan Pemenang (jika perlu).
3. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberi persetujuan dan kebenaran mereka untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada mana-mana institusi kewangan bagi memproses Data Peribadi Peserta. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.
4. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan nama dan alamat emel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
5. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman web pihak Penganjur di at www.bataras.com.my atau emel Penganjur di support@bataras.com.my
6. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

7. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]